



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

PEKELILING BENDAHARI BIL. 5/2024

**PINDAAN PEKELILING BENDAHARI BIL. 5/2023 PELAKSANAAN MODUL
PENILAIAN PRESTASI PEMBEKAL MELALUI SISTEM eP@UKM BAGI PEROLEHAN
BEKALAN/ PERKHIDMATAN/ KERJA DI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan pindaan terhadap had nilai perolehan bagi pelaksanaan Modul Penilaian Prestasi Pembekal Melalui Sistem eP@UKM bagi semua aktiviti perolehan bekalan/ perkhidmatan/ kerja di Universiti Kebangsaan Malaysia.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1. Pekeliling Bendahari Bil. 5/2023 telah menetapkan skop dan had nilai pelaksanaan penilaian prestasi pembekal melalui Sistem eP@UKM adalah merangkumi semua jenis perolehan bekalan/ perkhidmatan/ kerja bagi had nilai perolehan melebihi RM 20,000.00 ke atas sahaja.

2.2. Bagi memperkasakan pemantauan prestasi pembekal di UKM, Jabatan Bendahari bersama Jawatankuasa Penilaian Prestasi Pembekal UKM dibawah SPKPPP melalui Mesyuarat Jawatankuasa Prestasi Pembekal UKM Bil. 1/2024 pada 21 Jun 2024 telah bersetuju bahawa skop pelaksanaan penilaian prestasi pembekal melalui Sistem eP@UKM adalah merangkumi semua jenis perolehan berkaitan bekalan/ perkhidmatan/ kerja **TANPA MENGAMBIL KIRA SEBARANG HAD NILAI.**

3.0 PELAKSANAAN

- 3.1. PTj perlu melengkapkan penilaian prestasi pembekal melalui Sistem eP@UKM untuk semua jenis perolehan bekalan/ perkhidmatan/ kerja yang telah dilaksanakan di PTj.
- 3.2. Pelaksanaan penilaian adalah **WAJIB TANPA MENGAMBIL KIRA HAD NILAI PEROLEHAN** yang dilaksanakan.
- 3.3. Penilaian perlu dilaksanakan **SEBELUM** proses pembayaran dilakukan, iaitu **SELEPAS** proses pengesahan penerimaan perolehan bekalan/ perkhidmatan/ kerja.
- 3.4. Sumber rujukan bagi tatacara penilaian prestasi pembekal ialah dokumen UKM-SPKPPP-PP05 Prosedur Pengurusan Penilaian Prestasi Pembekal di Sistem Pengurusan Dokumen (SPD) UKM.

4.0 PENGUATKUASAAN

- 4.1. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **01 September 2024**.
- 4.2. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama **Pekeliling Bendahari Bil 5/2023: Pelaksanaan Modul Penilaian Prestasi Pembekal Melalui Sistem eP@UKM Bagi Perolehan Bekalan/ Perkhidmatan/ Kerja Di Universiti Kebangsaan Malaysia**.